

## **PERATURAN PETANQUE**

### **1. UNDANG-UNDANG**

Pertandingan ini dijalankan mengikut peraturan dan undang-undang yang dikeluarkan bersama oleh Persekutuan Petanque Malaysia (PPM) dan International Federation of Petanque Jue Provecal. (F.I.P.J.P)

### **2. PENYERTAAN / PENDAFTARAN PESERTA**

- 2.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua guru dan kakitangan pelajaran (yang berdaftar sebagai ahli MSKPP Negeri) dan sedang berkhidmat dengan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- 2.2 Setiap pasukan mestilah mengemukakan Slip Gaji Asal dan Salinan Kad Pengenalan semua peserta kepada urusetia semasa membuat pendaftaran.
- 2.3 Pertandingan Petanque ini dijalankan **secara berpasukan Lelaki dan berpasukan Perempuan**.
- 2.4 Setiap Negeri dikehendaki menghantar satu pasukan lelaki dan satu pasukan perempuan.
- 2.5 Setiap pasukan terdiri dari 3 kategori.

2.5.1	<b>Beregu</b>	-	Double
2.5.2	<b>Beregu Campuran</b>	-	Mixed Double
2.5.3	<b>Bertiga</b>	-	Triple

- 2.6 Setiap pemain boleh bermain dalam mana-mana kategori.
- 2.7 Jumlah pemain yang didaftarkan ialah seramai **7 orang** termasuk **2 orang** pemain veteran. (**umur 40 tahun** dan ke atas untuk lelaki dan **35 tahun** dan ke atas untuk pemain perempuan). Setiap pasukan melantik seorang pengurus dan seorang jurulatih.

### **3. CARA PERTANDINGAN**

- 3.1 Pasukan dibahagikan kepada **2 kumpulan**.
- 3.2 Pertandingan mengikut format **Liga Dalam Kumpulan** pada peringkat kumpulan dan **Kalah Singkir** pada peringkat seterusnya.

### **4. PENENTU KEMENAGAN**

- 4.1 Mata penamat bagi semua perlawanan ialah **13 mata**. Walaubagaimanapun di atas faktor cuaca pihak penganjur berhak mengurangkan mata penamat.
- 4.2 Pasukan yang mendapat **Johan** dan **Naib Johan** kumpulan layak bertanding di peringkat **Separuh Akhir**, **Johan A** melawan **Naib Johan B**, **Johan B** melawan **Naib Johan A**. Pemenang akan bertanding di peringkat akhir.

### **5. PENGADIL RASMI**

- 5.1 Pihak Penganjur akan melantik **2 orang** pengadil rasmi.
- 5.2 Keputusan pengadil adalah muktamad.

**6. BANTAHAN**

- 6.1 Sebarang bantahan boleh dibuat oleh pengurus pasukan sahaja dan hendaklah secara bertulis kepada pegawai kejohanan dalam tempoh 30 minit setelah tamat perlawanan.
- 6.2 Sebarang keputusan yang dibuat adalah muktamad.